

**D.R. 26/2006**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967.

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kastam (Pindaan) 2006.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 2**

2. Subseksyen 2(1) Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam takrif "customs duty", dengan memasukkan selepas perkataan "Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [*Act 504*]" perkataan ", any safeguard duty imposed by or under the Safeguards Act 2006 [*Act* ]".

**Pindaan seksyen 122c**

3. Seksyen 122c Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan "and antidumping" dengan perkataan ", anti-dumping and safeguard"; dan

## *Rang Undang-Undang*

(b) dengan menggantikan perkataan "or anti-dumping duty" dengan perkataan ", anti-dumping duty or safeguard duty"<sup>1</sup>.

---

### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kastam 1967 ("Akta 235").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2 bertujuan* untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 235 untuk memasukkan duti pelindung dalam takrif "duti kastam".
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 122c Akta 235 supaya apabila perlu untuk membuktikan amaun duti pelindung, pengeluaran suatu perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah menyatakan amaun duti pelindung yang kena dibayar adalah mencukupi bagi mahkamah untuk membuat penghakiman bagi amaun itu.

### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U<sup>2</sup>)2450]